

22 OCT 2003

Zainuddin-Mahathir

MEDIA BARAT GAGAL PERKECIL KEWIBAWAAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Media barat telah gagal untuk menidakkan kewibawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga ke akhir pemerintahannya pada penghujung bulan ini, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini.

Sebaliknya, beliau berkata, di penghujung saat persaraannya, Perdana Menteri lebih menonjol dan berjaya menggemparkan dunia dengan kenyataan-kenyataan yang tepat dan tajam yang menimbulkan kesedaran meluas di kalangan masyarakat Eropah dan Amerika Syarikat terhadap bahaya membenarkan diri mereka diperintah oleh Yahudi.

"Sebenarnya, Datuk Seri Dr Mahathir terbukti sebagai seorang pemimpin yang sangat petah, cekap, pintar dan bervisi jauh," kata Zainuddin dalam satu kenyataan di sini.

"Tetapi oleh kerana beliau datang dari dunia ketiga, maka media barat tidak meletakkannya sebagai pemimpin yang paling berwibawa di dunia, mengatasi taraf pemimpin-pemimpin Barat dan Amerika sekarang. Itulah hakikatnya."

Zainuddin mendakwa media Barat telah sekian lama bersekutu dalam agenda untuk memperkecilkan dan menghina kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir dengan menampilkannya sebagai "authoritarian" dan tidak demokratik.

Terbaru, mereka cuba memperkecilkan Dr Mahathir dengan mendakwa beliau telah dicerca oleh Presiden Amerika Syarikat George W. Bush di persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok, berikutan ucapan Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak ke 10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya pada minggu lepas yang menyentuh mengenai isu Yahudi.

"Ternyata persembahan berita sedemikian rupa bertujuan untuk melembutkan hati orang Yahudi yang marah," katanya.

Media Barat melaporkan bahawa Bush telah menarik Dr Mahathir ke tepi pada persidangan APEC untuk mencercanya mengenai ucapan Dr Mahathir pada pembukaan sidang kemuncak OIC itu yang menyentuh mengenai isu Yahudi menguasai dunia.

Dr Mahathir bagaimanapun semalam menafikan laporan media barat itu dengan berkata Bush sebenarnya hanya menjelaskan kepada beliau mengenai kenapa Bush memberi reaksi keras terhadap ucapannya itu.

-- BERNAMA

HK AHH MAI